

Niaga: Utamakan sikap lurus...

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam tadi mengingatkan para peniaga Bumiputera supaya menjaga kemakmuran mereka bagi mengekalkan keyakinan para pelanggan terhadap mereka.

Timbalan Perdana Menteri berkata kepercayaan itu boleh diperolehi jika para peniaga Bumiputera mengutamakan sikap lurus, jujur dan penuh tanggungjawab dalam menjalankan perniagaan.

Belliau yakin selagi mereka diiktiraf sebagai peniaga yang menjalankan perniagaan dengan lurus, kejayaan Bumiputera dalam lapangan perdagangan dan perniagaan akan dapat dipisahkan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika melancarkan penerbitan "Malaysia Showcase 1979" yang diusahakan oleh biro ekonomi UMNO bahagian Setapak di sini.

Belliau juga mengingatkan para peniaga Bumiputera supaya jangan terpengaruh dengan anggapan kononnya keuntungan dalam perniagaan hanya boleh



DATUK SERI DR. MAHATHIR.

diperolehi dengan cara tipu helah.

Katanya kepercayaan itu hendaklah dikikis kerana dalam perniagaan perasaan tanggungjawab dan keyakinan para pelanggan merupakan perkara penting.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegakkan para peniaga Bumiputera tidak seharusnya berfikir untuk menjalankan sesuatu perniagaan selama sehari sahaja dan kemudian berpindah ke tempat lain kerana mereka tidak akan mendapat keyakinan para pelanggan.

"Perniagaan fly-by-night ini tidak patut diutamakan kerana ini bukan sahaja meruntuhkan perniagaan Bumiputera tetapi juga bangsa mereka sendiri," tambahnya.

Mengenai buku "Showcase Malaysia", Datuk Seri Dr. Mahathir mengisifatkan usaha UMNO bahagian Setapak itu sebagai satu langkah memperkenalkan Malaysia kepada para usahawan dan para pelabur di seluruh dunia.

Belliau percaya buku tersebut yang mengandungi segala aspek mengenai perkembangan ekonomi Malaysia termasuk iklim pelaburan akan dijadikan satu buku rujukan yang berguna.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No

No